

Soalan No: 119

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 18.5.2016

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bilangan pelajar bukan Bumiputra yang mengikuti Program Matrikulasi jurusan teknikal yang jangka masa program adalah dua tahun berbanding dengan keterbukaan tawaran tempat 10% dan bagaimana sistem pengiraan markah untuk ko-kurikulum kolej Matrikulasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan pelajar bukan bumiputera yang telah ditawarkan ke Aliran Teknikal dalam Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah seramai 747 orang pelajar dalam tiga sesi pengambilan iaitu sesi 2014/2015 hingga sesi 2016/2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kurikulum Program Matrikulasi KPM merupakan mata pelajaran wajib berstruktur dengan menggunakan pakai Huraian Sukatan Pelajaran yang merangkumi komponen Sukan dan Permainan, Kelab dan Persatuan, dan Unit Beruniform. Pelaksanaan aktiviti kurikulum dalam Sukan dan Permainan, Kelab dan Persatuan serta Unit Beruniform adalah mengikut kemampuan dan kemudahan prasarana di kolej matrikulasi KPM.

Setiap pelajar diwajibkan menganggotai sekurang-kurangnya satu daripada setiap jenis aktiviti kokurikulum tersebut dalam Semester I atau II. Manakala penilaian aktiviti kokurikulum seseorang pelajar dalam setiap jenis aktiviti kokurikulum di kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia adalah berdasarkan kepada 4 aspek penilaian, iaitu:

Aspek Penilaian	% Markah
Kehadiran	50
Penglibatan	20
Pencapaian	20
Jawatan disandang	10
JUMLAH	100

RJM29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW

TARIKH : 18.5.2016 (RABU)

SOALAN : 120

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pemohon untuk kemasukan IPTA dan bilangan pemohon yang diterima masuk ke IPTA pilihan pertama, kedua dan ketiga bagi tahun akademik 2015/2016 mengikut negeri dan kaum lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon mengikut kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan calon. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA yang dimohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Selain daripada itu, proses temu duga turut dilaksanakan di UA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu

demi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan.

Bagi Sesi Akademik 2015/2016, bilangan permohonan yang diterima oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP, JPT) melalui UPUOnline bagi program Lepasan STPM/ Setaraf adalah sebanyak 63,942 permohonan. Daripada jumlah permohonan tersebut seramai 40,438 (63%) telah berjaya menerima tawaran di UA yang diselaraskan oleh Kementerian. Calon di negeri Selangor merupakan yang tertinggi mendapat tawaran ke UA dengan 15.4% diikuti Johor 12.8% dan Perak 9.9%. Daripada segi jumlah calon yang ditawarkan tempat pula, didapati 22% ditawarkan dengan program pengajian di pilihan pertama, 11% program pengajian pada pilihan kedua dan 9 % program pengajian pada pilihan ketiga.

Bagi Politeknik pula, pada sesi 2015/2016, sejumlah 37,971 pemohon telah mendaftar untuk meneruskan pengajian di politeknik. Daripada jumlah tersebut, 31,632 merupakan mereka yang memilih politeknik sebagai pilihan pertama, kedua dan ketiga. Sementara itu, di Kolej Komuniti pula, pada sesi 2015, seramai 45,548 pemohonan telah dikemukakan untuk melanjutkan pelajaran di Kolej Komuniti. Walau bagaimanapun, hanya seramai 12,846 yang berjaya ditawarkan di Kolej Komuniti.